

BERITA HARIAN

DATE: 24/11/2008

Dr Mahathir diminta jangan dedah nama

JOHOR BAHRU: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad diminta menimbang semula hasratnya untuk mendedahkan senarai nama ahli Umno yang terbabit dengan politik wang kerana ia boleh memberikan implikasi besar kepada parti.

Malah, tindakan itu juga boleh menyebabkan ada pihak teraniaya berikutan tiada siasatan dijalankan berhubung senarai nama itu.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata senarai nama itu dibuat berdasarkan aduan yang diterima oleh Dr Mahathir dan tidak berdasarkan siasatan rapi bagi membuktikan kebenaran aduan berkenaan.

Katanya, senarai nama itu juga mungkin ada unsur sabotaj pihak tertentu yang boleh menganiyai pihak lain.

"Saya merayu dan berharap Tun (Dr Mahathir) faham situasi implikasi yang beliau

akan lakukan, namun pada masa yang sama, tiada siapa yang boleh menahan Tun daripada melakukannya (mendedahkan senarai nama)," katanya.

Mohamed Khaled memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Program Pelajar di Luar Universiti Johor anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kementerian Pengajian Tinggi, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Dr Mahathir yang mendakwa mempunyai senarai nama ahli Umno yang terbabit dengan politik wang, termasuk calon bertanding jawatan pada pemilihan parti Mac depan.

Mohamed Khaled yang juga Menteri Pengajian Tinggi dan turut bertanding jawatan Naib Presiden, berkata pendedahan senarai nama itu tanpa siasatan lanjut terlebih dulu mungkin akan menyebabkan orang ramai membuat persepsi sendiri.